

(LETTERHEAD)

**BISMILLAHHIRRAHMANIRRAHIM
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH**

Mengadap Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj DK., DMN., SAAS., SSAP., SIMP., DK (Johor)., SPMJ., DK (Brunei)., DK (Selangor) yang bersemayam di Istana Abdulaziz, Indera Mahkota Kuantan dengan segala kemuliaan dan kebesarannya.

Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun,
Sembah Patik Mohon Diampun,

Dengan iringan doa daripada patik moga - moga Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang , Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Yang Amat Mulia Paduka - Paduka Anakanda Putera dan Puteri serta Yang Mulia Paduka - Paduka Cucunda Putera dan Puteri sentiasa di dalam sihat walafiat dan dilanjutkan usia serta kekal karar memerintah atas singgahsana takhta Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur. Amin.

Ampun Tuanku,

Waba'dah ehwal adalah warkah yang tulus ikhlas ini daripada patik **(Nama & Jawatan)** mengadap merafak sembah mohon ampuni limpah perkenan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku bagi patik menyembah maklum ke sisi pengetahuan Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku akan hasrat patik mohon mengadap Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku pada suatu tarikh, masa dan tempat yang sesuai di sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku bagi maksud menyembahkan **(Nyatakan tujuan dengan jelas)**

Ampun Tuanku,

Di kesempatan ini patik berdoa kehadiran Allah S.W.T. moga - moga Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang terus dikurniakan kecemerlangan hidup, sihat walafiat, dilanjutkan usia memerintah atas singgahsana takhta Kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur. Amin.

Ampun Tuanku,

Had inilah warkah yang tulus ikhlas daripada patik dan selanjutnya patik berdoa kehadiran Allah S.W.T. moga - moga Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang, Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang, Yang Amat Mulia Paduka - Paduka Anakanda Puteri dan Puteri serta Yang Mulia Paduka - Paduka Cucunda Putera dan Puteri sentiasa di dalam sihat walafiat lagi dianugerahi aman sentosa selama - lamanya. Amin

Ampun Tuanku Beribu-ribu Ampun,
Sembah Patik Mohon Diampun,

Patik yang menjunjung titah perintah,

(Nama Berserta Darjah/Pingat Kebesaran - jika ada)

Termaktub : **(Tempat)**

Pada : **(Tarikh)**

Fail : **(Jika ada)**

****NOTA**

Font : Tahoma (Saiz 14)

Spacing : 1.15

- Nyatakan dalam surat litup **nombor telefon penganjur** untuk dihubungi

(LETTERHEAD)

(Tarikh) 2024
(Kalendar Islam) 1446H

Puan Lailatul Nadwa Binti Ahmad
Setiausaha Sulit Kepada
Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang
Istana Abdulaziz
25502 Kuantan
PAHANG DARUL MAKMUR

Puan,

**PERMOHONAN MENGHADAP KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA TENGGU
AMPUAN PAHANG**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman puan, saya **(Nama dan Jawatan)** dari **(Jabatan/Agensi/NGO)** ingin mendapatkan perkenan bagi menghadap Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Iskandariah Binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj.

3. Bersama-sama ini disertakan Warkah Permohonan Menghadap kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku yang jelas menerangkan maksud dan tujuan tersebut. Profile tetamu yang akan terlibat dalam majlis menghadap juga disertakan untuk perhatian pihak puan.

4. Kerjasama puan untuk menyembahkan perkara ini kesisi Kebawah Duli Paduka Baginda Tuanku amat saya hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih. Untuk sebarang pertanyaan atau maklumbalas berkenaan perkara ini, pihak puan boleh menghubungi pegawai penyelaras **(Nama)** di talian **(Nombor telefon bimbit)**.

Sekian,

(**NAMA**)
JAWATAN

****NOTA**

- *Font Arial (Size 12) , Spacing - (1.15)*